

Keutamaan Ciri-Ciri Pengajaran Pensyarah Yang Baik Daripada Persepsi Pelajar Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Ahmad Johari Sihes & Siti Asfarina Sarimin

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik daripada persepsi pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Kajian berbentuk deskriptif ini melibatkan sampel 100 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Kemahiran Hidup yang mewakili Fakulti Pendidikan dan pelajar tahun empat kursus Sarjana Muda Mekanikal Tulen yang mewakili Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang terdiri daripada bahagian A dan B. Bahagian A terdiri daripada latar belakang responden manakala bahagian B pula mengandungi 40 item berdasarkan kepada 4 persoalan kajian iaitu merangkumi aspek personaliti, penyampaian pengajaran, interaksi dan juga penilaian. Kesahan item-item diperolehi menerusi perbincangan dengan pakar-pakar. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 11.5*. Hasil daripada analisis data disusun mengikut urutan keutamaan item yang dipilih oleh semua responden dan perbandingan telah dibuat di antara Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Dapatan kajian menunjukkan daripada keempat-empat aspek ini, pelajar memberi keutamaan kepada pensyarah yang sentiasa bersifat terbuka, berkebolehan menyampaikan pengajaran dengan jelas, mudah untuk berbincang, dan dapat melakukan penilaian yang adil. Beberapa cadangan telah dibuat bagi melahirkan pensyarah dan juga pendidik yang berkualiti daripada aspek pengajaran. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi mewujudkan lebih ramai generasi pendidik yang berkualiti.

Katakunci : ciri-ciri pengajaran pensyarah, persepsi pelajar

Pengenalan

Pendidik bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu kepada murid dan penuntut tetapi mereka juga bertanggungjawab untuk membentuk peribadi pelajar yang mulia. Pendidik atau pengajar memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan generasi yang akan mengambil alih daripada generasi semasa. Dengan perkataan lain pendidik menentukan jaya atau tidaknya sesuatu bangsa, sesuatu negara, sesuatu tamadun.

Pendidik bukan sahaja dipertanggungjawab untuk membekalkan generasi baru dengan ilmu pengetahuan tetapi juga untuk menyemai nilai-nilai hidup yang boleh menentukan jaya atau tidaknya masyarakat dan bangsa. Mungkin peranan ini yang terletak di bahu mereka dianggap terlalu berat tetapi bagi seorang pengajar yang baik akan dapat melaksanakannya dengan ikhlas dan bertanggungjawab.

Begitu juga dengan peranan pensyarah sebagai tenaga pengajar adalah sama penting dalam melahirkan pelajar yang berketrampilan dan berkesan. Keberkesanan pensyarah atau pendidik melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka untuk mendidik dan menyampaikan pengajaran bergantung kepada pelbagai faktor yang lazim dibincangkan dalam kajian-kajian mengenai pembelajaran. Penyampaian kuliah dalam kelas di universiti, maktab perguruan dan

mana-mana institusi pendidikan mempunyai kesan yang mendalam kepada pendidikan setiap pelajar.

Pengajaran yang baik dihasilkan oleh keupayaan untuk merangsang murid supaya menimbulkan minat mereka untuk melibatkan diri di dalam proses pembelajaran, mengadakan suasana yang boleh mendatangkan proses pemikiran serta mengekalkan konsep itu (Atan Long 1978). Seorang pengajar yang baik ini sentiasa memfokuskan ciri-ciri pengajaran yang berkualiti. Mereka harus sentiasa menunjukkan perancangan dan penyampaian yang baik. Penyampaiannya mestilah menimbulkan minat dan menggalakkan pelajar untuk belajar. Pengajaran disampaikan mengikut rangka masa yang ditetapkan, beberapa alat bantuan digunakan dalam proses pengajarannya dan terdapat pula pelbagai cara untuk menilai prestasi pelajarannya. Interaksi antara tenaga pengajar dan pelajar haruslah sentiasa mesra dan positif.

Pernyataan Masalah

Setiap pensyarah mempunyai ciri-ciri dan kaedah pengajaran yang berbeza-beza. Pelajar-pelajar pula sentiasa mempunyai persepsi yang berbeza terhadap keutamaan ciri-ciri dan pengajaran pensyarah yang dianggap sebagai baik. Terdapat pensyarah yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh pelajar dan ada juga pensyarah yang pelajar tidak merasai apa-apa jika mereka tidak ada. Ini menunjukkan terdapat banyak ciri-ciri pensyarah dan pengajaran pensyarah yang disukai dan diminati oleh pelajar yang perlu kita kaji.

Dalam kajian ini penyelidik akan mengkaji mengenai persepsi pelajar tahun akhir Fakulti Mekanikal Tulen dan Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor terhadap keutamaan ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik. Antara permasalahan yang akan dinilai ialah :

- 1) Personaliti pensyarah
- 2) Pengajaran pensyarah dalam menyampaikan isi pelajaran
- 3) Interaksi pensyarah dan pelajar
- 4) Penilaian yang dilakukan oleh pensyarah kepada pelajar

Kajian ini cuba untuk mengenal pasti sejauhmana keempat-empat aspek ini mempengaruhi persepsi pelajar untuk menilai keutamaan ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik mengikut keutamaan mereka. Penggunaan aspek-aspek tersebut akan dikenalpasti melalui penilaian oleh pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan dan Fakulti Mekanikal setelah empat tahun mempelajari hampir semua mata pelajaran dengan beberapa orang pensyarah yang berlainan.

Objektif Kajian

Kajian ini dirangka bagi tujuan untuk mendapat maklum balas daripada pelajar mengenai keutamaan ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik daripada persepsi pelajar. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk :

- i. Mengenalpasti persepsi pelajar tentang keutamaan ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik daripada aspek personaliti.
- ii. Mengenalpasti persepsi pelajar tentang keutamaan ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik daripada aspek penyampaian isi pelajaran.
- iii. Mengenalpasti persepsi pelajar tentang keutamaan ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik daripada aspek interaksi pensyarah dan pelajar.
- iv. Mengenalpasti persepsi pelajar tentang keutamaan ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik daripada aspek kaedah penilaian yang dilakukan oleh pensyarah kepada pelajar.

- v. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan pendapat di antara pelajar Fakulti Pendidikan dan pelajar Fakulti Mekanikal terhadap keutamaan ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik daripada persepsi mereka.

Kepentingan Kajian

Kajian keatas pengajaran pensyarah yang mengajar di Fakulti Mekanikal dan Fakulti Pendidikan ini adalah dijalankan bagi menyediakan satu panduan yang boleh digunakan oleh tiga komponen utama didalam sistem pengajaran dan pembelajaran di fakulti ini.

Fakulti : Kajian ini adalah diharapkan dapat digunakan oleh pihak fakulti bagi merangka satu perancangan pengajaran dan pembelajaran yang lengkap dan menyeluruh yang dapat memberi panduan tentang bagaimana sesuatu kursus itu dapat dijalankan dengan jayanya.

Pensyarah : Kredibiliti seorang pensyarah dapat diiktiraf melalui panduan yang dibekalkan dari hasil dapatan kajian ini. Ianya akan dapat mejurus keupayaan seseorang pensyarah itu didalam memperbaiki mutu pengajaran.

Pelajar : Kajian ini dapat memberi peluang untuk pelajar meneliti perkara-perkara berkaitan pengajaran pensyarah yang berkait dengan keberkesanan corak pembelajaran mereka.

Reka Bentuk Kajian

Terdapat dua jenis reka bentuk sesuatu kajian iaitu bentuk kuantitatif dan kualitatif. Bagi kajian ini penyelidik akan menggunakan bentuk kuantitatif yang melibatkan penggunaan angka dan kekerapan (Mohd Najib,2003). Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan set soal selidik yang dijawab oleh pelajar-pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Kemahiran Hidup tahun 4 (4 SPH), dan Sarjana Muda Mekanikal Tulen tahun 4 (4 SMM).

Dalam proses penyelidikan, borang soal selidik digunakan sebagai instrument kajian kerana ia merupakan satu bentuk kajian deskriptif, menurut Misbet (1970), kaedah tinjauan merupakan satu daripada kaedah penyelidikan yang kerap digunakan untuk mengumpul maklumat berhubung dengan keadaan fenomena semasa. Penggunaan rekabentuk kajian seharusnya dapat memenuhi tinjauan yang telah ditetapkan agar boleh membentuk kajian dan mendapat jawapan kepada masalah yang sebenar serta memenuhi kriteria keesahan dan kebolehpercayaan. Ia dapat diperkukuhkan lagi dengan pernyataan yang dibuat oleh Kerlinger (1973), rekabentuk penyelidikan mengandungi perancangan struktur dan strategi dalam kajian membolehkan kita memperoleh jawapan-jawapan daripada persoalan kajian. Disebabkan kekangan masa, kaedah menggunakan soal selidik adalah paling sesuai digunakan, dimana kaedah analisis data juga mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian secara langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama.

Populasi Dan Sampel Kajian

Mengenali populasi dan sampel kajian adalah sangat penting dalam menjalankan penyelidikan pendidikan kerana ia akan menentukan masalah yang perlu dikaji serta berapa banyak data-data dan maklumat yang perlu dikumpulkan. Selain itu, sampel juga menentukan masa, tenaga dan juga kos perbelanjaan yang dikeluarkan untuk melaksanakan penyelidikan (Mohd Najib,2003).

Kajian ini ditujukan ke atas pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Tulen yang telah mengikuti kursus sekurang-kurangnya 4 tahun di Universiti Teknologi Malaysia. Pemilihan pelajar tahun 4 adalah kerana pelajar-pelajar ini telah mengikuti pengajian yang agak lama iaitu melebihi 7

semester pengajian dan boleh memberikan penilaian yang lebih baik berbanding pelajar tahun 1, 2 dan 3. Pemilihan pelajar bagi Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal adalah untuk mendapatkan perbezaan pendapat di antara pelajar bagi kedua kursus ini.

Oleh kerana jumlah pelajar bagi Fakulti Pendidikan dan juga Fakulti Mekanikal terlalu ramai, kaedah sampel rawak digunakan iaitu kelompok atas kelompok (Blum dan Foos, 1986). Sampel yang diambil adalah pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), dan Sarjana Muda Mekanikal Tulen daripada tahun akhir.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk memperoleh maklumat daripada subjek yang dikaji. Soal selidik digunakan kerana ianya lebih praktikal untuk populasi yang besar kerana ia dapat mengukur pemboleh ubah yang hendak diukur daripada saiz sampel yang banyak dan ini dapat meningkatkan ketepatan dapatan kajian (Mohd Majid, 2004).

Soal selidik merupakan satu cara paling mudah untuk memperolehi maklumat. Soal selidik mempunyai beberapa kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidikan mendapatkan maklumat kualitatif dan kuantitatif. Di antaranya ialah maklumat dan data-data dari responden dapat diperolehi secara terus daripada responden. Selain itu ianya lebih cepat serta menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Borang soal selidik yang dibangunkan mengandungi dua bahagian iaitu A dan B. Bahagian A menggunakan skala nominal di mana soalan perlu ditanda (/) oleh responden berkaitan latar belakang mereka . Bahagian B pula, soalan berkaitan tahap ciri-ciri pengajaran yang baik bagi seorang pensyarah menurut pandangan pelajar/responden. Skala yang digunakan untuk mengukur pemarkahan bahagian B bagi kajian ini ialah menggunakan kaedah urutan nombor (*ranking*) bermula dari 1 hingga 10 iaitu dari tahap yang tertinggi bagi nombor satu dan seterusnya hingga ke tahap terendah iaitu nombor sepuluh.

Analisis Data

Jadual 1 menunjukkan analisis data bagi setiap item dalam soalan kajian dua iaitu pandangan pelajar tentang keutamaan ciri-ciri pengajaran pensyarah yang baik daripada aspek penyampaian pengajaran pensyarah oleh pelajar 4 SPH dan 4 SMM. Sebanyak 100 responden telah memberikan pendapat masing-masing.

Jadual 1 ini di baca mengikut tahap atau kedudukan urutan nombor dari satu hingga sepuluh. Pemilihan item-item pula dipilih mengikut peratusan tertinggi dan bersesuaian bagi setiap kedudukan nombor mengikut bacaan lajur dari atas ke bawah.

Bagi kedudukan pertama, para pelajar telah memilih kebolehan pensyarah menyampaikan bahan pengajaran dengan jelas dan mudah di fahami sebagai pilihan utama mereka. Hasil dapatan ini menunjukkan nilai peratusan yang tertinggi iaitu seramai 19 orang responden yang mewakili 19% daripada jumlah keseluruhan responden.

Bagi kedudukan kedua pula pemilihan item iaitu pensyarah yang sentiasa menggunakan ABM dalam menyampaikan pengajaran bagi memudahkan pemahaman pelajar. Hasil dapatan menunjukkan nilai peratusan tertinggi yang dilihat dari lajur atas ke bawah bagi kedudukan kedua iaitu sebanyak 18 orang responden telah memilih bahawa pensyarah yang sentiasa menggunakan ABM dalam menyampaikan pengajaran berada pada urutan kedua yang mewakili 18% dari jumlah keseluruhan responden.

Jadual 1 : Analisis item soalan kajian daripada aspek penyampaian pengajaran pensyarah

ITEM	Kedudukan Keutamaan Item dan Peratus Responden Menjawab									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Berkebolehan menyampaikan bahan pengajaran dengan jelas dan mudah di fahami.	19%	16%	6%	15%	8%	11%	8%	7%	4%	5%
Menggunakan intonasi suara yang sesuai dalam menyampaikan isi pengajaran.	6%	6%	9%	14%	9%	22%	12%	3%	5%	5%
Menggunakan ABM dalam menyampaikan pengajaran bagi memudahkan pemahaman pelajar.	16%	18%	5%	5%	9%	11%	10%	10%	8%	8%
Semasa menyampaikan isi pelajaran, pensyarah menggunakan “ <i>eye to eye contact</i> ”.	19%	13%	9%	9%	13%	7%	5%	10%	14%	1%
Mengemukakan soalan di penghujung setiap topik bagi mendapat maklumbalas pelajar.	6%	7%	6%	8%	10%	6%	7%	20%	16%	4%
Mengaitkan isi pelajaran yang diajar dengan situasi luar bagi memudahkan pemahaman pelajar.	9%	9%	22%	7%	8%	10%	6%	12%	12%	5%
Sentiasa melakukan persediaan pengajaran untuk setiap kuliah.	7%	10%	15%	3%	7%	15%	18%	11%	7%	7%
Menguasai setiap kandungan bahan yang diajar.	9%	9%	11%	9%	18%	5%	9%	15%	10%	14%
Membuat rumusan dan penekanan ke atas kandungan penting di dalam pengajaran.	4%	3%	9%	17%	12%	7%	11%	10%	16%	11%
Menerapkan kemahiran generik di dalam aktiviti pengajaran.	3%	9%	8%	10%	6%	6%	14%	3%	10%	31%

Manakala bagi kedudukan ketiga pula pemilihan item iaitu pensyarah yang sentiasa mengaitkan isi pelajaran yang diajar dengan situasi luar bagi memudahkan pemahaman pelajar. Hasil dapatan menunjukkan nilai peratusan tertinggi yang dilihat dari lajur atas ke bawah bagi kedudukan ketiga iaitu sebanyak 22 orang responden telah memilih bahawa pensyarah yang sentiasa mengaitkan isi pelajaran yang diajar dengan situasi luar dalam pengajaran berada pada urutan ketiga yang mewakili 22% dari jumlah keseluruhan responden.

Pemilihan item bagi kedudukan keempat pula ialah pensyarah yang sentiasa membuat rumusan dan penekanan ke atas kandungan penting di dalam pengajaran. Hasil dapatan menunjukkan nilai peratusan tertinggi yang dilihat dari lajur atas ke bawah bagi kedudukan keempat iaitu sebanyak 17 orang responden telah memilih bahawa pensyarah yang sentiasa membuat rumusan dan penekanan ke atas kandungan penting dalam menyampaikan pengajaran berada pada urutan keempat yang mewakili 17% dari jumlah keseluruhan responden.

Bagi kedudukan nombor kelima pula pemilihan item iaitu ciri seorang pensyarah yang sentiasa menguasai setiap kandungan bahan yang diajar. Hasil dapatan menunjukkan nilai peratusan tertinggi mengikut bacaan lajur dari atas ke bawah bagi kedudukan kelima iaitu sebanyak 18 orang responden telah memilih bahawa pensyarah yang menguasai setiap kandungan bahan yang diajar berada pada urutan kelima yang mewakili 18% dari jumlah keseluruhan responden.

Manakala bagi kedudukan keenam pula pemilihan item iaitu pensyarah yang sentiasa menggunakan intonasi suara yang sesuai dalam menyampaikan isi pengajaran. Hasil dapatan menunjukkan nilai peratusan tertinggi yang dilihat dari lajur atas ke bawah bagi kedudukan ketiga iaitu sebanyak 22 orang responden telah memilih bahawa pensyarah yang menggunakan intonasi suara yang sesuai dalam menyampaikan isi pengajaran berada pada urutan keenam yang mewakili 22% dari jumlah keseluruhan responden.

Bagi kedudukan nombor tujuh pula pemilihan item iaitu ciri seorang pensyarah yang sentiasa melakukan persediaan pengajaran untuk setiap kuliah. Hasil dapatan menunjukkan nilai peratusan tertinggi mengikut bacaan lajur dari atas ke bawah bagi kedudukan ketujuh iaitu sebanyak 18 orang responden telah memilih bahawa pensyarah yang sentiasa melakukan persediaan pengajaran untuk setiap kuliah berada pada urutan ketujuh yang mewakili 18% dari jumlah keseluruhan responden.

Manakala bagi kedudukan kelapan pula pemilihan item iaitu pensyarah yang sentiasa mengemukakan soalan di penghujung setiap topik bagi mendapat maklumbalas pelajar. Hasil dapatan menunjukkan nilai peratusan tertinggi yang dilihat dari lajur atas ke bawah bagi kedudukan kelapan iaitu sebanyak 20 orang responden telah memilih bahawa pensyarah yang mengemukakan soalan di penghujung setiap topik bagi mendapat maklumbalas pelajar berada pada urutan kelapan yang mewakili 20% dari jumlah keseluruhan responden.

Bagi kedudukan nombor sembilan pula pemilihan item iaitu ciri seorang pensyarah yang sentiasa menggunakan “*eye to eye contact*” semasa menyampaikan isi pelajaran. Hasil dapatan menunjukkan nilai peratusan tertinggi dan bersesuaian bagi kedudukan keempat iaitu sebanyak 14 orang responden telah memilih bahawa pensyarah yang selalu tersenyum dan ramah berada pada urutan kesembilan yang mewakili 14% dari jumlah keseluruhan responden.

Pemilihan item sentiasa menerapkan kemahiran generik di dalam aktiviti pengajaran telah menjadi kedudukan kesepuluh bagi aspek penyampaian pengajaran pensyarah dari persepsi pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan nilai peratusan tertinggi bagi kedudukan kesepuluh iaitu sebanyak 31 orang responden yang mewakili 31% dari jumlah keseluruhan responden.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada aspek cara penyampaian pengajaran pensyarah, urutan keutamaan nombor bagi item yang tertinggi telah dipilih oleh majoriti pelajar adalah pensyarah yang berkebolehan menyampaikan bahan pengajaran dengan jelas dan mudah difahami. Ini kerana penyampaian pengajaran pensyarah yang jelas dan mudah difahami pelajar akan memudahkan pelajar menerima pengajaran yang diberikan oleh pensyarah itu. Menurut Ee Ah Meng (2002), perhatian pelajar akan hilang jika tugas pembelajaran terlalu sukar, membosankan, kurang penting atau tidak berkaitan. Minat pelajar juga akan bertambah kurang jika suara guru membosankan, penyampaian terlalu lambat atau cepat.

Bagi pilihan urutan item kedua tertinggi pula, pelajar mendapati penggunaan ABM dalam menyampaikan pengajaran adalah penting dilakukan oleh setiap pensyarah. Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) merupakan satu alat pengajaran yang amat

penting dalam pengajaran. Dengan menggunakan ABM ini akan lebih mudah dan cepat di dalam proses pembelajaran. Pendapat Ee Ah Meng (2002) menyatakan penggunaan bahan bantu mengajar dapat membantu pelajar membentuk konsep dengan mudah dan jelas serta mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan menyeronokkan.

Manakala bagi kedudukan terakhir atau kesepuluh, pelajar tidak memilih pensyarah yang menerapkan kemahiran generik didalam aktiviti pengajaran sebagai pilihan teratas mereka. Kemungkinan pelajar tidak mengetahui konsep kemahiran generik yang perlu ada dalam setiap proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu mereka tidak sedar akan kepentingan kemahiran generik yang cuba diterapkan oleh pensyarah secara langsung atau tidak langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran generik yang boleh diterapkan kepada pelajar adalah seperti kemahiran berkomunikasi, menyelesaikan masalah, perbincangan dan sebagainya.

Rujukan

- Atan Long (1988). *Manusia Guru, Keguruan Dan Perguruan, Calon Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Connel W.F (1981). *Asas Pedidikan..* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Davidson, H. Dan Long (1960). *Children's Perception Of Their Teachers*. *Jurnal Of Experimental Education*: 1960-1961.
- Esah Sulaiman (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Felder, Richard M. and Silverman, Linda K. (1988). *Learning and Teaching Styles in Engineering Education*. *Engineering Education*. (674-681).
- G. Roy Mayer (1988). *Achieving Educational Excellence : Using Behavioral Strategies*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Khalid Ismail (2005). *Pengurusan Bilik Darjah Dalam Konteks Pengajaran Dan Pembelajaran Perakaunan*. Petaling Jaya: Prentice Hall. 4-94.
- Miller, R.I (1974). *Developing Programs Fo Faculty Evaluation*. San Francisco: Jersey Mass.
- Mohamad Azizy Ahmad (1997). *Penilaian pelajar Terhadap Pengajaran Pensyarah Bagi Progam Pengajian Luar Kampus Yang Dilaksanakan Oleh S.P.A.C.E Di UTM, Skudai .* Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Nuraliyah Binti Haji Ahmad (2002). *Tinjauan terhadap pengajaran dan embelajaran dikalangan pensyarah program Pengajian Separuh Masa di Bawah Kendalian Sekolah Pendidikan Profesioal Dan Pendidikan Berterusan (S.P.A.C.E), UTM*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda
- Rahimah Hj. Ahmad (1992). *Peningkatan produktiviti guru: Sasaran dan tindakan, Masalah Pendidikan: Jurnal Pendidikan*, 16.
- Robiah Sidin (1998). *Kearah Pembetulan Guru Kreatif. Konvesyen Pendidikan Perguruan Ke-5*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- T. Subahan (1991). *Isu-isu latihan mengajar*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.
- Tifla Hj. Zakaria (1988). *Isu Pengajaran Dan Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi Dalam Himpunan Kertas Kerja: Pengenalan Pengajaran Dan Pembelajaran Pengajian Tinggi .* Unit Latihan: UTM.